

Pusat hadapi kesukaran bekerjasama dengan negeri tadbiran parti berlainan

25 OCT 1990

KUALA LUMPUR 24 Okt.

Kerajaan Pusat sudah pasti akan menghadapi kesukaran untuk bekerjasama dengan sebuah kerajaan negeri yang ditadbir dari parti yang berlainan, kata Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad malam ini.

Beliau menegaskan, kerjasama tersebut bukanlah tidak boleh diadakan langsung tetapi cuma sukar kerana sebab-sebab ketidakseragaman dalam dasar dan pentadbiran.

Kata Perdana Menteri, beliau agak hairan kenapakah sebelum pilihanraya tidak ada siapa pun yang menimbulkan soal kerjasama tetapi sekarang berlainan pula.

"Saya hairan jugalah dulu masa pilihanraya tak dengar

kata macam tu pun tapi sekarang buat kenyataan macam tu 'susah sikitlah...'" kata beliau ketika menjawab soalan para pemberita mengenai kenyataan Menteri Besar Kelantan semalam.

Menteri Besar Kelantan yang baru, Haji Nik Aziz Nik Mat dalam kenyataannya semalam meminta supaya Kerajaan Pusat jangan mengabaikan tanggungjawabnya kepada kerajaan negeri malah menegaskan kerajaan negeri di bawah pentadbirannya akan menjalinkan kerjasama yang erat dengan Pusat.

Dalam hubungan ini, Perdana Menteri berkata, Pas menegaskan supaya jangan abai-kan tanggungjawab Kerajaan

Pusat kepada kerajaan negeri tetapi pada hakikatnya tanggungjawab ini tidak pernah diabaikan oleh Kerajaan Pusat.

Ditanya bagaimanakah pula reaksi Kerajaan Pusat jika Pas memohon bantuan, Dato' Sri Dr. Mahathir menegaskan, dalam hal ini Pas tidak berkata bahawa ia memerlukan bantuan.

Sementara itu, ditanya mengenai kabinet baru Kerajaan Pusat, Dato' Sri Dr. Mahathir berkata, Tengku Ahmad Rithauddeen, Dato' Amar Stephen Yong dan Dato' Kasitah Gaddam tidak akan dilantik semula sebagai anggota kabinet.

Beliau berkata, barisan kabinet akan diumumkan sedikit masa lagi dalam minggu ini.

Pagi ini katanya, beliau telah mengadap Yang di-Pertuan Agong tetapi tidak pula membincangkan soal menteri kabinet yang baru.

Menurut Dato' Sri Dr. Mahathir, beliau mengadap Seri Paduka adalah untuk memaklumkan prestasi Kerajaan Barisan Nasional dalam pilihanraya umum yang lalu dan masalah-masalah yang dihadapi.